

29 OCT 2001

Marina-Ujian

JOHOR DIMINTA KAJI SEMULA UJIAN HIV BAKAL PENGANTIN

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata pelaksanaan undang-undang yang mewajibkan seseorang Muslim di Johor yang ingin berkahwin menjalani ujian HIV, perlu dikaji semula kerana ia akan menimbulkan banyak masalah ketika melaksanakannya.

Katanya pelbagai masalah akan timbul untuk melaksanakan undang-undang berkenaan kerana banyak isu yang belum dikaji sepenuhnya oleh Jabatan Kesihatan Johor.

"Saya berpendapat Jabatan Kesihatan tidak memberikan fakta yang sepenuhnya manakala analisis epidemiologi adalah kurang jelas. Fatwa ini diasaskan kepada analisis yang kurang jelas itu," katanya pada sidang media di sini hari ini ketika diminta mengulas mengenai laporan sebuah akhbar tempatan bahawa sesiapa yang ingin berkahwin dengan seorang yang beragama Islam dari Johor diwajibkan menjalani ujian HIV berkuatkuasa 13 Nov ini.

Menurut laporan itu Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Johor merangkumi mereka yang baru memeluk agama Islam.

Marina berkata antara perkara lain yang perlu diberi perhatian ialah "isu tempoh jendela" yang tidak difikirkan sepenuhnya kerana pasangan di Johor diperlukan mengambil ujian itu hanya tiga bulan sebelum tarikh perkahwinan.

"Sekiranya seseorang itu masih lagi dalam tempoh jendela, virus itu belum boleh dikesan dalam tubuhnya. Kita perlu tunggu tiga hingga enam bulan untuk mendapatkan keputusan yang tepat," katanya.

Menurut beliau, jika seseorang diuji sebelum tempoh jendela itu habis ia akan menunjukkan keputusan negatif.

"Ini berbahaya. Tujuan untuk melindungi pasangannya dah memang tak jadi, dan jika orang itu berkahwin dan selepas itu mendapati HIV positif, siapa yang bertanggungjawab?" katanya.

Katanya ujian yang digunakan juga adalah "rapid test" (ujian pantas) yang membolehkan seseorang yang menjalani pemeriksaan mendapat keputusan dalam masa 15 minit.

Menurut Marina, jika seseorang yang mempunyai antibodi yang aktif, ujian ini boleh memberi keputusan reaktif, yang bermakna tidak dapat dipastikan sama ada seorang itu HIV positif atau tidak.

Katanya untuk mendapat pengesahan pemeriksaan lanjut perlu dilakukan melalui "Elisa Testing".

Katanya beliau mendapati dalam prosedur di Johor, Jabatan Kesihatan tidak mengadakan peruntukan untuk ujian mengesahkan keputusan reaktif itu.

Beliau berkata itu menjadi satu isu besar kerana seseorang yang reaktif itu tidak patut dianggap telah dijangkiti virus sebelum mendapat pengesahan.

"Tak ada masalah dengan niat Jabatan Agama. Kami mempunyai niat yang sama, cuma dari segi pelaksanaannya ada banyak tanda tanya yang patut difikirkan habis-habis dulu supaya tidak ada kesan yang negatif sehingga niat tidak dapat dicapai," katanya.

-- BERNAMA

MUN AHH MAI